

Kerajaan teladani inisiatif, strategi Rasulullah

UM - 20/10/2021

m/s: 3

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan telah dan akan terus meneladani inisiatif serta strategi seperti dilaksanakan Rasulullah SAW sebagai panduan mentadbir negara demi kemakmuran Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia sebagai satu kepercayaan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah suri teladan terbaik umat manusia.

Untuk tujuan itu, beliau berkata, pelbagai polisi, inisiatif dan insentif akan diperkenal dan dirancang kerajaan, demi memastikan tidak ada Keluarga Ma-

laysia ketinggalan dalam meraih nikmat serta kemakmuran negara.

Menurut beliau, tema sambutan Maulidur Rasul tahun ini iaitu *Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti*, membawa kepada norma hidup yang menekankan prinsip Dasar Manhaj Rabbani iaitu Rahmat, Aman, Bertuhan, Bakti, Adil, dan Insani.

“Kesemua nilai ini, selari dengan Konsep Keluarga Malaysia yang menekankan tentang tiga teras utama iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran di samping 20 nilai lain seperti amalan ihsan, beriman, kasih sayang serta bermusyawarah.

“Tema ini juga selari dengan Dasar Perpaduan Negara

berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang mana perpaduan dan integrasi nasional telah lama diamalkan di negara ini termasuk dalam sambutan Maulidur Rasul,” kata Perdana Menteri dalam perutusan khas sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1443 Hijrah semalam.

Ismail Sabri berkata, pengiktirafan kerajaan melalui penganugerahan Tokoh Maulidur Rasul kepada insan yang banyak berbakti kepada masyarakat merentasi agama dan bangsa, secara langsung menyumbang ke arah melahirkan generasi Malaysia yang memiliki semangat perpaduan dan kebersamaan serta saling menghormati selari de-

ngan konsep Keluarga Malaysia.

Kata beliau, dalam mengharungi krisis berkembar ekonomi dan kesihatan yang mencabar ketika ini, sebagai Keluarga Malaysia, semua perlu berganding bahu untuk memulihkan negara selain menyesuaikan diri dalam norma baharu.

Jelasnya, apa jua perbezaan perlu dijadikan sebagai kelebihan dan bukannya kelemahan, manakala sebarang persamaan dijadikan sebagai sumber kekuatan dengan menjalinkan dan mengukuhkan kembali perpaduan dengan ikatan kasih sayang dan toleransi sebagai sebuah Keluarga Malaysia yang besar.